



PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



IJAZAH (KUMPULAN PROFESIONAL)



» **PENGUASA BOMBA GRED KB41**

(JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA)

Kekosongan : 40

Simpanan : 40

Syarat Kelayakan :

- i. Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- iii. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- iv. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- v. Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Kelayakan Ukuran Fizikal dan Pancaindera :

1. Tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
2. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
3. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
4. Mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
5. Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
6. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
7. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar dan
8. Lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Syarat Bahasa Melayu :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Tambahan :

- Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan keperluan syarat skim perkhidmatan.

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/penguasa-bomba-gred-kb41>



DIPLOMA (KUMPULAN PELAKSANA)



» **PENOLONG PENGUASA BOMBA GRED KB29** (JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA)

Kekosongan : 60 Simpanan : 90

Syarat Kelayakan :

- i. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Kelayakan Ukuran Fizikal dan Pancaindera :

1. Tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
2. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
3. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
4. Mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
5. Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata.
6. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
7. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar dan
8. Lulus ujian-ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Syarat Bahasa Melayu :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Tambahan :

- Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan keperluan syarat skim perkhidmatan.

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-penguasa-bomba-gred-kb29>

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **06 Julai 2020 (Isnin) jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA
<http://www.spa.gov.my>